

# Siswa taksub politik patut kembali fokus matlamat ke universiti

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
bhnews@bharian.com.my

**P**ILIHAN raya kampus (PRK) 2011 sudah melabuhkan tirainya di semua 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) minggu lalu. Keputusan calon yang menang juga sudah diketahui. Adat bertanding, ada yang menang dan ada yang kalah.

Kepada wakil pelajar yang dipilih menduduki Majlis Perwakilan Pelajaran (MPP) di IPTA masing-masing, tahniah dan bersedialah memikul amanah dan tanggungjawab besar. Bagi yang kalah, terima dengan hati terbuka dan jadikannya sebagai pengalaman berguna untuk masa depan.

Sepanjang kempen dan PRK 2011 berlangsung, pelbagai ragam dan insiden berlaku hingga menarik perhatian media. Di Universiti Malaya (UM) contohnya, kecoh dengan kehilangan pelajar, Mastura Abu Bakar di Pantai Dalam sebelum ditemui berada berhampiran sebuah masjid di Kampung Teras Jernang, Bangi selepas 33 jam dilaporkan 'dilarikan'.

Beliau yang juga calon umum pilihan raya kampus UM daripada Pro-Mahasiswa (Pro-M) dikatakan menerima empat ugutan ketika ber-

kempen dan menjadi punca kepada kehilangannya. Insiden yang berlaku di Universiti Putra Malaysia (UPM) juga tidak kurang mengejutkan apabila hampir 150 mahasiswa bertindak agresif sehingga pintu masuk utama ke bangunan pentadbiran UPM pecah. Akibatnya, lima pelajar dan pengawal keselamatan cedera terkena serpihan kaca dan terpaksa menerima campur tangan polis.

Kejadian itu berlaku gara-gara ketidakpuasan hati kumpulan Pro-M terhadap keputusan yang dibuat Jawatankuasa Induk Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) iaitu membatalkan pencalonan semua 33 calon Pro-M bertanding pilihan raya kampus, termasuk 11 daripadanya yang menang pada pemilihan, Isnin lalu. Kumpulan ini dipercayai berkampung selama hampir 18 jam di hadapan bangunan pentadbiran UPM sebelum kejadian rempuhan itu berlaku. Insiden yang disebut tadi bukan perkara baru kerana sebelum ini setiap kali PRK, pasti berlaku perkara sama dan ia seperti menjadi kemestian pula.

Adakah dengan berlaku insiden seumpama itu menunjukkan mahasiswa semakin matang dalam politik di kampus atau mempunyai kaitan dengan peristiwa politik yang berlaku di Mesir dan negara Arab lain?

Ahli akademik, Prof Dr Teo Kok Seong, beranggapan apa yang berlaku di UPM akibat salah faham antara kedua-dua pihak.

Masalah yang berlaku sepatutnya boleh dibawa berbincang, bukan dengan bertindak agresif sehingga merosakkan harta awam dan menyebabkan kecederaan.

"Mahasiswa harus berfikir sebelum bertindak. Darah panas dalam diri menyebabkan mereka cepat melenting dan hilang kesabaran. "Dalam kes di UPM, saya anggap tiada pihak yang betul (mahasiswa dan pihak pentadbiran). Yang penting, perlu mengadakan perbincangan," katanya.

Katanya, langkah UPM tidak mengenakan sebarang tindakan terhadap semua mahasiswa terbabit adalah baik dan wajar kerana UPM mementingkan masa depan mahasiswanya dengan memberi peluang kepada mereka.

Jika tidak, kemungkinan masa depan mahasiswa berkenaan gelap apabila mereka disingkirkan daripada pengajian. Beliau menasihatkan mahasiswa kembali fokus kepada tugas utama di universiti iaitu menimba ilmu sehingga berjaya dan mengurangkan kegiatan politik.

Beliau juga menasihatkan kumpulan Pro-M supaya jangan sering bersyuk wasangka ter-

hadap pihak universiti kerana pada pengamatannya, kumpulan berkenaan sering berprasangka buruk walaupun pada hakikatnya pihak universiti tidak melakukan apa-apa.

Tidak dinafikan, keberanian mahasiswa bertindak sedemikian di UPM disebabkan pengaruh kejadian yang berlaku di Mesir dan negara Arab lain. Teo berkata, jika ada yang terpengaruh, mereka perlu segera sedar kerana situasi yang melanda di negara berkenaan adalah berbeza dan tidak boleh disamakan dengan negara kita.

"Kebajikan mahasiswa di Malaysia sentiasa dibela kerajaan dan mereka harus bersyukur. Berbeza dengan negara yang bergolak sekarang, mahasiswa di Malaysia mempunyai masa depan cerah dan apa yang perlu dilakukan sekarang ialah belajar bersungguh-sungguh dan boleh membuktikan idealis perjuangan mereka selepas tamat pengajian," katanya.

Walau apa pun alasan yang diberikan mahasiswa terbabit bagi menghalalkan tindakan mereka, ia sudah terlambat kerana kejadian itu sudah berlaku dan disaksikan masyarakat Malaysia menerusi media. Diharapkan ia menjadi iktibar dan tidak akan berulang pada masa depan kerana yang rugi bukan mahasiswa saja tetapi universiti dan negara.